



PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

Komik Aku, Kau & Malaysia: Negaraku

Komik-M mempersembahkan komik *Aku, Kau & Malaysia: Negaraku* karya pekomik terbaik PTS Publishing House Sdn. Bhd. Komik bertemakan kenegaraan ini adalah gabungan pekomik Bophairy, Froggyapa, Tan Teck Hwa, Azhar Abdullah, Shahrul Akram, dan Pemenang Anugerah Manga Antarabangsa, Ben Wong.

Terdapat 6 komik yang mengetengahkan mesej tentang negara kita, Malaysia. Antaranya, *Untuk Inikah Perjuangan Kita Dahulu?*, *Bendera Aku & Kau*, *Bunga Kebangsaan Bunga Kebanggaan*, *Khalifah Merdeka*, *Roh Negaraku*, dan *Semangat Harimau Malaya*.

Komik dengan 128 halaman ini baik untuk semua golongan, terutamanya kanak-kanak. Ini kerana, melalui bacaan yang santai ini kita dapat mengetahui tentang sejarah Malaysia melalui slot Trivia Malaysia yang turut dimuatkan pada setiap bab.

Untuk pengetahuan, sebahagian kandungan buku *Aku, Kau & Malaysia: Negaraku* ini diambil daripada buku *Aku, Kau & Malaysia* yang pernah diterbitkan pada tahun 2010. Namun, apa yang istimewa dalam buku ini adalah ia diterbitkan dalam versi berwarna serta ditambah dengan komik bonus daripada Ben Wong.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: *awatif@pts.com.my*